

PM anggap kuasa amanah perlu digalas demi kepentingan rakyat

Anwar enggan dikenang hanya pandai bercakap tetapi gagal laksana tanggungjawab

Oleh Fahmy A Rosli dan Essa Abu Yamin
essabuyamin@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim, menegaskan kuasa diberikan kepada pemimpin adalah amanah yang perlu digalas dengan penuh tanggungjawab bagi memastikan rakyat menerima manfaat secara menyeluruh.

Atas sebab itulah, Perdana Menteri berkata, ujian sebenar bagi seorang pemimpin itu adalah ketika masih memegang kuasa.

Beliau berkata, beliau secara peribadi tidak mahu selepas bersara nanti hanya dikenang sebagai pemimpin yang pandai bercakap tetapi gagal melaksanakan tindakan yang dituntut rakyat.

“Esok ada pencen orang berleter banyak mana (pun) orang dah tak dengar dah... orang (akan) tanya, dulu kau buat apa?”

“Saya tak mahu esok bila saya pencen, orang tanya (balik) Anwar bercakap (tetapi) pasal apa tak > buat itu, tak buat ini... sebab itulah saya katakan uji-

an kita (sebagai pemimpin) itu masa kita berkuasa,” katanya dalam ucapan yang dikongsi menerusi rakaman video di Facebook.

Dalam pada itu, Perdana Menteri menolak dakwaan segelintir pihak yang menuduh kononnya beliau tidak melakukan sebarang tindakan sepanjang menerajui pentadbiran negara, sebaliknya menegaskan setiap keputusan itu dibuat berpaksikan kepada



"Seseorang pemimpin seharusnya melaksanakan tanggungjawab sebaik mungkin sepanjang memegang jawatan, sama ada di peringkat negeri, Persekutuan atau dalam mana-mana institusi"

*Anwar Ibrahim,
Perdana Menteri*

kepentingan rakyat.

“Apabila kuasa digerakkan dengan amanah, rakyat menjadi penerima manfaat sebenar. Pemimpin bukan sekadar pemegang kuasa, tetapi penjaga amanah rakyat dan pemacu kesejahteraan bersama,” katanya.

Bantu rakyat

Anwar berkata, seseorang pemimpin seharusnya melaksanakan tanggungjawab sebaik mung-

kin sepanjang memegang jawatan, sama ada di peringkat negeri, Persekutuan atau dalam mana-mana institusi.

“Kalau orang nak tanya macam mana kamu nak buat, masa kamu ada kuasa baik daripada Persekutuan atau negeri, ataupun pengarah, ataupun Ketua Polis Negara.... masa kamu ada kuasa, cuba laksanakan amanah dengan sebaik mungkin,” katanya.

Dalam hantaran sama di Fa-

cebook, Anwar berkata pemberian Sumbangan Asas Rahmah (SARA) RM100 secara sekali beri kepada individu berusia 18 tahun ke atas, bukanlah penyelesaian tunggal, sebaliknya antara langkah kerajaan untuk membantu rakyat berdepan tekanan kos sara hidup.

Namun begitu, Perdana Menteri menegaskan apa yang dilakukan itu antara langkah yang sedikit sebanyak dapat membantu mengurangkan beban dihadapi kebanyakan rakyat, terutama mereka yang mengalami kesusahan.

“Pemberian SARA RM100 bukan penyelesaian tunggal, tetapi salah satu langkah bagi menangani tekanan hidup rakyat selain mengangkat taraf ekonomi golongan rentan,” katanya.

Dalam pautan video yang dikongsikan bersama hantaran berkenaan, Anwar berkongsi maklum balas pemimpin negara luar yang kagum dengan inisiatif Kerajaan MADANI yang menyalurkan penghargaan SARA sekali beri sebanyak RM100.